

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG  
(RASA)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [ RASA ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan:-

- (a) usaha-usaha Kerajaan untuk menjimatkan kos dalam operasi harian; dan
- (b) berapakah kos yang berjaya dikurangkan dalam usaha tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil

inisiatif untuk melaksanakan langkah perbelanjaan berhemat agar pengurusan kewangan awam diuruskan dengan efisien selain memastikan sumber kewangan digunakan secara optimum.

Antara langkah-langkah penjimatan yang telah dilaksanakan oleh kementerian adalah seperti berikut:

- (a) Menilai semula aktiviti/ program yang lama dan tidak relevan lagi serta bertindih (*overlapping*);
- (b) Mengurangkan sewaan dengan cara melaksanakan pelan pejabat terbuka (*open office*);
- (c) Mengamalkan pengurusan sumber manusia yang optimum (*lean civil service*) melalui pendekatan redeployment apabila terdapat keperluan untuk mewujudkan fungsi yang baharu;
- (d) Memastikan semua perbelanjaan khususnya perolehan dan pengurusan acara adalah berdasarkan keperluan serta mempunyai *value for money*;
- (e) Mengawal perbelanjaan perjalanan dalam dan luar negara;
- (f) Menilai semula dan mengawal dengan ketat keperluan kerja lebih masa;
- (g) Menangguhkan sebarang kerja-kerja pengubahsuaian dan

pembelian yang tidak mendesak serta mengandungi kandungan import yang tinggi;

(h) Melaksanakan penjimatan khususnya dalam penggunaan utiliti dan bekalan pejabat;

(i) Mengoptimumkan penggunaan kemudahan di premis atau institusi latihan milik Kerajaan; dan

(j) Merancang dengan teliti segala perbelanjaan yang hendak dibuat bagi mengelakkan berlakunya sebarang keperluan peruntukan kewangan tambahan.

Di samping itu, semua kementerian juga digalakkan untuk melaksanakan langkah-langkah penjimatan lain di peringkat dalaman kementerian. Langkah-langkah yang diperkenalkan ini telah membantu mengurangkan perbelanjaan mengurus Kerajaan daripada RM223.4 bilion peruntukan asal tahun 2015 kepada RM217.0 bilion perbelanjaan sebenar pada tahun 2015.